

5. HUKUM SKIM CEPAT KAYA DAN SEUMPAMANYA (Diwartakan pada 25 Mei 2006)

Skim Cepat Kaya adalah haram kerana cara beroperasinya yang mengandungi unsur-unsur judi, riba, gharar dan tadlis*. Oleh itu, umat Islam dilarang daripada terlibat dengan skim ini.

DALIL
 Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 29, maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu".

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya: **Sesiapa yang menipu bukanlah dari kalangan kami.** (Riwayat Bukhari)

PENJELASAN
 Skim Cepat Kaya menjanjikan kepada orang ramai untuk melaburkan wang demi mendapatkan kekayaan luarbiasa. Perkara ini dengan tidak secara langsung akan menjadikan pelabur berangan-angan dan tidak berusaha gigih mengikut anjuran Islam. Dengan penjelasan fatwa ini, umat Islam akan berusaha dan bekerja gigih dan mengelakkan dari diperdaya oleh skim yang palsu itu.

* Gharar : Ketidakpastian
 Tadlis : Penipuan

6. HUKUM MENGGUNA SEMULA TANAH PERKUBURAN ISLAM (Diwartakan pada 7 Oktober 2004)

1. Harus menggali semula tanah perkuburan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak atau darurat dengan sebab-sebab tertentu yang diharuskan oleh syara'.
2. Harus menggali semula tanah perkuburan setelah dikenalpasti mayat itu telah reput oleh pihak berkuasa untuk digunakan bagi mengebumikan mayat yang baru.
3. Tanah perkuburan yang sudah penuh dan tiada kawasan lapang sebagai menambah keluasan tanah perkuburan, maka adalah disarankan bahawa menggunakan semula tanah perkuburan lama dengan cara/kaedah : Menimbun tanah di atas kubur lama di kawasan tanah perkuburan setinggi 4 kaki. Kaedah ini amat sesuai di tanah perkuburan yang rendah.

HUJAH
 Perbuatan menggali kubur pada asalnya tidak diharuskan bahkan dilarang dalam Islam. Tetapi sekiranya terdapat sebab-sebab yang terpaksa maka ia diharuskan. Larangan ini merujuk kepada mayat yang masih belum reput yang berada di dalam kubur.

Sekiranya mayat telah reput maka tidaklah menjadi kesalahan menggantinya semula untuk tujuan-tujuan munasabah. Keadaan reput atau tidak mayat itu hendaklah ditentukan melalui orang yang pakar dalam bidang berkenaan.

PENJELASAN
 Menggali semula tanah perkuburan Islam adalah berdasarkan faktor pembangunan yang diharuskan, seperti pembinaan jalanraya dan keluasan tapak masjid baru. Fatwa tersebut adalah memberi gambaran tentang keluasan Islam yang menitikberatkan penghormatan kepada yang telah meninggal dunia dan kepentingan kepada yang masih hidup.

AHLI JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR SESSI 2006-2008

- S.S. Dato' Setia Haji Mohd Tamyas bin Abd Wahid
 Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor
- S.S. Dato' Haji Abdul Majid bin Omar
 Timbalan Mufti Negeri Selangor
- Y.B. Datuk Zauyah Be bt Loth Khan
 Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
- Y.B. Dato' Dr. Amran bin Kasimin
 ADUN Kawasan Bangi
 Merangkap Pembantu EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Belia dan Mesra Rakyat Negeri Selangor
- Y. Bhg. Prof. Dr. Zaleha bt Kamaruddin
 Dekan
 Kuliyah Ahmad Ibrahim of Law
 UIAM
- Y. Bhg. Prof. Madya Dato' Hj. Mohd. Mokhtar bin Hj. Shafii
 Pensyarah Universiti Malaya
- Y. Bhg. Prof. Madya Dato' Md. Saleh bin Hj. Md. @ Haji Ahmad
 Pensyarah UIAM
- Y. Bhg. Dr. Zaidun bin Kamari
 Pengarah
 Hospital Universiti Sains Malaysia
- Y. Bhg. Tuan Hj. Abdul Aziz Andik Achok
- Y. Bhg. Tuan Hj. Aluwi bin Parman
 Timbalan Pengarah
 Bahagian Perundangan Keluarga
 Jabatan Agama Islam Selangor
- Y. Bhg. Tuan Hj. Othman bin Hamzah
 Imam Besar Masjid Negeri
- Tuan Hj. Mohd Basori bin Umar
 Setiausaha

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR
 Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid,
 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
 Tel : 603-5514 3400, Mufti : 603-5514 3738, Timb. Mufti : 603-5514 3730,
 Fax : 603-5519 7584
 Email : mufti_sel@selangor.gov.my Web : http://muftiselangor.gov.my



Fatwa Semasa
 Maklumat • Jelas • Manfaat
 جَابِرٌ مُّؤْتِيٌّ بِكَلِمَاتٍ مِّنْ لَّا يَشْعُرُ
 JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR
 Keluaran OGOS 2007



1. HUKUM MENUKAR STATUS JANTINA DALAM MYKAD (Diwartakan pada 25 Mei 2006)

1. Menukar status jantina dalam Mykad bagi pemilik yang menjalani pembedahan jantina yang diharuskan oleh syara' adalah harus.

2. Menukar status jantina dalam Mykad bagi pemilik yang menjalani pembedahan jantina yang tidak dibenarkan oleh syara' adalah haram.

DALIL

Pembedahan menukar jantina sama ada daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya jelas bercangah dengan hukum syara'. Ini telah dijelaskan dalam surah an-Nisa' ayat 119 yang bermaksud;

Dan sesungguhnya aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternakan) lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah. Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata.

Hadis riwayat al- Bukhari bermaksud: " dari Ibnu Abbas r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. melaknat mukhannath (lelaki yang meniru kelakuan perempuan) dari kalangan lelaki dan mutarajjilah (perempuan yang meniru kelakuan lelaki) dari kalangan perempuan".

PENJELASAN

Golongan transeksual adalah golongan yang menghadapi kekeliruan identiti. Kebanyakan golongan transeksual yang menganggap diri mereka terperangkap dalam fizikal jantina yang berlawanan dengan pemikiran dan perasaan mereka.

Banyak implikasi sekiranya penukaran jantina di Mykad kerana ianya bercangah dengan prinsip Islam dan fatwa yang dikeluarkan malah ia turut melanggar Akta Pendaftaran dan Kematian. Permasalahan juga timbul dalam bab ibadah, munakahat, perwarisan harta pusaka, pengurusan jenazah dan sebagainya.

2. HUKUM PERADUAN SMS DAN MENYERTAINYA PANDANGAN ISLAM (Diwartakan pada 28 April 2005)

Hukum menyertai peraduan SMS adalah haram.

DALIL DAN ALASAN

Islam tidak melarang manusia untuk mencari harta dengan syarat ia tidak lari daripada ketentuan hukum yang dibenarkan oleh Islam. Ini kerana prinsip asas yang digunakan oleh Islam dalam mencari sumber rezeki adalah melalui usaha tanpa mengenyepikan tanggungjawab dan kepatuhan sebagai seorang Islam sebagaimana dijelaskan dalam surah al-Qasas ayat 77 yang bermaksud;

" Dan carilah pada apa yang telah dikurniakan Allah kepadamu untuk kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau lupa bahagianmu daripada dunia ini serta berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan".

Surah al- Maidah ayat 90 yang bermaksud;

"Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah semuanya keji dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."

PENJELASAN

Peraduan melalui sistem pesanan ringkas atau SMS melalui telefon mudahalih semakin meningkat dengan menawarkan hadiah yang lumayan. Tawaran hadiah tersebut telah menyebabkan orang ramai terpicat untuk menyertainya. Umat Islam dinasihati agar tidak melibatkan diri dengan peraduan melalui SMS kerana ia dijalankan melalui cara yang tidak jelas (meragukan), mengandungi unsur gharar (penipuan) dan terdapat unsur-unsur perjudian. Dengan fatwa yang dinyatakan ini akan dapat memberi panduan kepada umat Islam dalam melaksanakan setiap tindakan supaya selaras dengan Islam.

3. HUKUM SEMBAHYANG JAMA' KERANA MENJALANI RAWATAN PENYAKIT-PENYAKIT KRONIK DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN DAN SWASTA (Diwartakan pada 9 Mei 2002)

1. Harus menjama'kan sembahyang kerana menjalani rawatan penyakit kronik yang memakan masa yang lama.

2. Harus menjama'kan sembahyang bagi pekerja-pekerja yang tidak dapat meninggalkan tugasnya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti doktor yang bertugas di wad ICU dan seumpamanya yang terpaksa bertugas tanpa had masa. Keharusan menjama'kan sembahyang dikhususkan pada masa berlaku darurat sahaja.

HUJAH

Mengikut mazhab Syafie, harus jama' sembahyang kerana musafir yang lama perjalanannya dengan sebab hujan secara jama' takdim sahaja, apabila dilakukan sembahyang itu secara berjemaah di masjid yang jauh daripada rumahnya, mengelakkan kesusahan untuk pergi ke sana, maka ia harus menjama'kan sembahyang walaupun tidak kerana hujan dan harus jamak sembahyang sama ada takdim atau takhir bagi orang yang sakit.

PENJELASAN

Setiap umat Islam berkewajipan menunaikan ibadah solat dalam apa jua keadaan sekalipun. Ini termasuk kepada semua pesakit yang menjalani rawatan penyakit-penyakit kronik seperti rawatan hemodialisis bagi penyakit buah pinggang, rawatan penyakit jantung, lumpuh dan seumpamanya yang telah mendapat pengesahan daripada doktor-doktor pakar daripada hospital-hospital kerajaan dan swasta.

Pesakit yang menjalani rawatan penyakit-penyakit kronik seperti rawatan hemodialisis bagi penyakit buah pinggang dan seumpamanya adalah dikira uzur syarie. Oleh itu mereka diharuskan sembahyang jama' dan bukannya meninggalkan kewajipan menunaikan sembahyang fardhu.

4. HUKUM ORANG ISLAM BEKERJA DI RUMAH ORANG BUKAN ISLAM (Diwartakan pada 15 Mac 2007)

Harus orang Islam bekerja di rumah orang bukan Islam dengan syarat:

- i) pekerjaan tersebut tidak haram di sisi syarak.
- ii) sentiasa menjaga adab dan batas pergaulan.
- iii) pekerjaan tersebut tidak menghalang atau menjejaskan sebagai orang Islam seperti menunaikan kewajipan solat, berpuasa dan sebagainya.

DALIL

Firman Allah dalam Surah an-Nahl ayat 97, maksudnya: **"Sesiapa yang beramal soleh dari kalangan lelaki dan wanita sedang ia beriman maka sesungguhnya kami akan menghidupkan di dalam keadaan yang baik"**.

Firman Allah dalam Surah al- Mai'dah ayat 88, maksudnya: **"Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan kepada kamu iaitu yang halal dan baik dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman"**.

PENJELASAN

Setiap individu perlu mencari peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan keluarga dari aspek material serta menampung kos hidup.

Dengan penjelasan fatwa tersebut dapat dijadikan garis panduan kepada pekerja termasuk wanita untuk melaksanakan kerja dengan menitikberatkan unsur agama dan akhlak.